

SIARAN MEDIA

LARIAN MAPPA XX TAHUN 2025 SARAWAK: SINERGI PERKHIDMATAN AWAM DAN SWASTA MEMPERKASA KESEJAHTERAAN DAN KESIHATAN MASYARAKAT

KUCHING, SARAWAK, 6 Julai 2025 – Selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI untuk terus komited dalam memastikan Kesejahteraan hidup masyarakat terjamin serta memiliki tahap kesihatan yang baik, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui INTAN Kampus Wilayah Sarawak buat julung kalinya menganjurkan Larian Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam Ke-20 (MAPPA XX) Tahun 2025 Sarawak. Penganjuran program ini turut mendapat sokongan dari Jabatan Premier Sarawak.

Penganjuran Larian MAPPA XX 2025 Sarawak turut mendapat sinergi dari pelbagai rakan strategik agensi Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Perkhidmatan Awam Sarawak serta pihak swasta termasuklah Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak, Pejabat Pembangunan Negeri Sarawak, Jabatan Belia dan Sukan Sarawak, Majlis Bandaraya Kuching Selatan dan MAKSAR Sarawak. Manakala penaja swasta yang turut mendokong dan terlibat dalam penganjuran Larian MAPPA XX Tahun 2025 Sarawak termasuklah Le Minerale', OBYU Holdings Sdn. Bhd, Global Engineering Sdn Bhd, Bank Simpanan Nasional (BSN), Sarawak Craft Council, Tecktonic & Sons, Musyati Ibanco Property Sdn. Bhd., Port Laundry, Milo dan Poh Lian Vegetable Sdn. Bhd. Sinergi bersama pelbagai agensi Kerajaan dan Swasta dalam penganjuran program ini mencerminkan jalinan kerjasama erat dalam mendukung agenda nasional berpaksikan nilai-nilai MADANI.

Bagi menyemarakkan lagi penganjuran program dan sinergi perkhidmatan awam dan swasta, kehadiran dan sokongan padu daripada kalangan pemimpin Kerajaan dan Perkhidmatan Awam terhadap usaha memperkasakan kesejahteraan masyarakat amatlah dihargai.

Penyertaan yang menggalakkan daripada pelbagai lapisan masyarakat turut mendapat sambutan dan sokongan daripada Yang Berhormat Datuk Amar Professor Dr. Sim Kui Hian, Timbalan Premier Sarawak merangkap Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sarawak yang turut serta menyertai larian bersama-sama rakyat jelata.

PEMERKASAAN KESEJAHTERAAN DAN KESIHATAN

Larian MAPPA XX Tahun 2025 Sarawak yang berlangsung di Dataran Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS) merupakan siri jelajah ketiga selepas Kuantan, Pahang dan Batu Kawan, Pulau Pinang. Program larian ini dengan penyertaan melebihi 2,500 peserta, merangkumi warga perkhidmatan awam dan masyarakat dari seluruh pelosok Sarawak. Program larian bermula pada jam 6.30 pagi dimana pelepasan rasmi oleh YB Datuk Amar Professor Dr. Sim Kui Hian, Timbalan Premier Sarawak, untuk tiga (3) kategori larian iaitu 3KM, 5KM dan 10KM.

Sebagai pendekatan inklusif dalam memupuk semangat kesukanan, memperkukuh jaringan komuniti serta menggalakkan gaya hidup sihat, YB Datuk Amar Timbalan Premier bersama-sama pengurusan tertinggi Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Perkhidmatan Awam Sarawak turut menyertai acara 3KM *Walkathon* sebagai simbol sokongan dan teladan dari pengurusan tertinggi kerajaan dan perkhidmatan awam.

Program Bitara seumpama ini bukan sekadar hanya acara bersukan, malah program ini juga menjadi wahana strategik dalam memperkasakan kesejahteraan dan kesihatan masyarakat agar lebih cergas dan lestari.

SINERGI AWAM DAN SWASTA

Kehadiran dan sokongan YB Timbalan Premier dan pengurusan tertinggi Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Perkhidmatan Awam Sarawak serta dokongan pihak swasta dalam menaja program Larian MAPPA XX Tahun 2025 Sarawak telah mendatangkan impak yang tinggi. Sinergi seumpama ini berupaya meningkatkan jaringan kerjasama yang erat bagi memastikan komitmen berterusan dalam memperkasa kesejahteraan dan gaya hidup sihat di kalangan penjawat awam dan masyarakat secara keseluruhannya. Perkara ini menjadi simbol aspirasi bersama dalam penyampaian perkhidmatan yang responsif, inklusif dan mesra rakyat selari dengan nilai Keterangkuman dan Ihsan dalam kerangka MADANI.

Di samping acara larian, pelbagai aktiviti seperti pameran reruai yang melibatkan pelbagai agensi kerajaan turut dianjurkan bersempena dengan Program Larian MAPPA XX Tahun 2025 Sarawak. Antara pempamer yang terlibat termasuklah Bahagian Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Jabatan Pengangkutan Jalan, UiTM, UNIMAS, Unit Digitalisasi Perkhidmatan Awam Sarawak dan APEL-Q. Program Jualan Rahmah turut diadakan sempena program larian ini. Pengisian program seperti ini dapat membuka ruang keterlibatan secara terus antara rakyat dan institusi kerajaan secara lebih terbuka dan komprehensif.

IMPAK LARIAN MAPPA XX TAHUN 2025 SARAWAK

Secara keseluruhannya penganjuran program ini bukan sekadar sebagai wadah rekreasi di antara rakyat dan institusi kerajaan, malah ia turut menjadi platform strategik dalam memperkasakan jaringan kerjasama diantara institusi awam dan swasta dalam meningkatkan kesejahteraan rakyat dan kemampanan pembangunan negara. Program ini turut menjadi medium pertemuan diantara pemimpin, pengurusan tertinggi perkhidmatan awam dan masyarakat.

Sebagai pemangkin kepada penganjuran Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam Ke-20 (MAPPA XX) pada Ogos 2025 kelak, program ini memperlihatkan sinergi yang membanggakan antara sektor awam dan swasta.

Dengan penganjuran program Larian MAPPA XX Tahun 2025 Sarawak, dapat memperlihatkan kejayaan dalam keberkesanan sinergi awam dan swasta bagi penyampaian perkhidmatan yang dinamik demi memperkasakan kesejahteraan masyarakat dan pembangunan negara yang mampan.

#####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 6 Julai 2025
E-mel : komunikasi@jpa.gov.my
No. Rujukan : JPA.100-9/1/2 Jld.3 (15)